

10/05/2000

Presiden lancar lidah rasmi parti

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini melancarkan keluaran sulung lidah rasmi Umno, Wawasan Merdeka, selepas penerbitan akhbar itu yang sebelum ini dikenali sebagai Merdeka, terhenti pada 1987.

Lidah rasmi yang akan dikeluarkan dua kali sebulan itu, mencatat keluaran khas bagi penerbitan sulungnya bertarikh 11 Mei, 2000 bagi memperingati tarikh penubuhan Umno 54 tahun lalu.

Pada keluaran sulung itu, akhbar berkenaan menyiarkan wawancara khas dengan Perdana Menteri bertajuk 'Umno Terap Melayu Baru' sebagai tajuk utama muka depannya.

Selain itu, lidah rasmi setebal 20 muka itu turut menyiarkan album mengenai Perhimpunan Agung Umno dalam tempoh enam dekad.

Mengimbau sejarah lidah rasmi Umno ini, akhbar pertamanya diterbitkan pada 1 Mac 1953, dengan nama Suara Umno, sebelum diganti dengan nama Merdeka pada 1964 yang bertahan sehingga 1969.

Akhbar itu diterbitkan semula pada 1977 dengan nama Suara Bersatu dan sekali lagi ditukar menjadi Merdeka pada 1980, tetapi penerbitannya hanya bertahan selama setahun.

(END)